



IBU PEJABAT,  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT,  
MALAYSIA,  
LEBUH WAWASAN, PRECINCT 7,  
62250 PUTRAJAYA.

Telefon : 603-88880036  
Faks : 603-88880962  
Laman Web : [www.bomba.gov.my](http://www.bomba.gov.my)  
E-mail : [korporat@bomba.gov.my](mailto:korporat@bomba.gov.my)

‘CEPAT DAN MESRA’

Ruj. Kami: JBPM:PAW/013/20/2 (4 )

Tarikh : 07 Mei 2011

## SIARAN MEDIA

### BERSAMA MENCEGAH KEBAKARAN

KUALA LUMPUR 07 Mei 2011 – Peranan, sumbangan dan komitmen pasukan Bomba Sukarela sebagai pasukan bantuan dan sokongan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat dalam menangani insiden-insiden kebakaran di kawasan luar bandar atau kawasan terpencil sangat membanggakan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Panglima Lajim Ukin berkata, **‘responds time’** pasukan Bomba Sukarela juga merupakan **‘responds time’** bagi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia kerana pasukan ini memainkan peranan sebagai pasukan bantuan awal atau **“first responder team”** dalam menangani sebarang insiden kebakaran dan penyelamatan sebelum pasukan bomba sampai di tempat kejadian.

Beliau berkata demikian semasa mengadakan sidang media sempena Majlis Sambutan Hari Anggota Bomba di sini hari ini.

“Pada masa ini terdapat sebanyak 332 pasukan dengan keahlian seramai 13,935 orang di seluruh negara dan sentiasa bersedia sedia untuk digerakkan pada bila-bila masa yang diperlukan”, jelas Lajim lagi.

Menurut Lajim, kementerian juga sedang dalam proses mengemaskinikan aktiviti dan peranan Pasukan Bomba Sukarela secara lebih terperinci agar keberkesanannya dalam membantu Jabatan Bomba dan Penyelamat dalam melawan kebakaran bangunan.

Justeru itu, sempena tema sambutan pada tahun ini ‘**Bersama Mencegah Kebakaran**’, kementerian menaruh harapan tinggi kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat agar dapat membudayakan rakyat Malaysia untuk bersama-sama mencegah kebakaran dan seterusnya mengurangkan kerugian harta benda dan kehilangan nyawa.

“Kesedaran masyarakat terhadap budaya keselamatan kebakaran harus sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa melalui kempen keselamatan kebakaran, Bomba bersama masyarakat, seminar keselamatan kebakaran, penubuhan pasukan keselamatan kebakaran di premis kerajaan dan swasta . Melalui cara ini sajalah risiko kebakaran dapat dikurangkan”, jelas Lajim lagi.

“Kerajaan dan masyarakat mengiktiraf terhadap jasa dan pengorbanan anggota-anggota bomba yang berdedikasi dan sentiasa komited dalam memberikan perkhidmatan menyelamatkan nyawa dan harta benda secara berterusan tanpa mengira batas agama dan kaum”, tambahnya lagi.

Kerajaan sedar bahawa tugas dan tanggungjawab anggota-anggota bomba adalah berat dan berisiko tinggi malah sanggup mempertaruhkan nyawa sendiri terutama dalam menangani insiden-insiden yang melibatkan kebocoran dan tumpahan bahan-bahan kimia berbahaya.

\*\*\*\*\*

*Dikeluarkan oleh:*

*Bahagian Pengurusan Korporat, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia, Lebuh Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya. Tel+60388880036, Faks: +60388880840; Emel: [korporat@bomba.gov.my](mailto:korporat@bomba.gov.my); Untuk keterangan lanjut sila hubungi Sobberi Basiran, PKP Pengurusan Korporat [sobberi\\_64@bomba.gov.my](mailto:sobberi_64@bomba.gov.my); [sobberi\\_64@yahoo.com](mailto:sobberi_64@yahoo.com) atau Encik Mohd Azmi Abd Majid di talian 038880036 ext. 325/017-6826205 atau emel [m.azmi@bomba.gov.my](mailto:m.azmi@bomba.gov.my), pegawai penerangan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia (JBPM).*